

Sabah berjaya lakukan pembedahan otak pesakit dalam keadaan sedar yang pertama

Oleh Siti Aisyah Narudin
UB 16.01.2023 P.01

KOTA KINABALU: Hospital Queen Elizabeth (HQE) 2 dengan kerjasama Universiti Malaysia Sabah (UMS) berjaya melakukan pembedahan otak yang pertama di negeri ini yang melibatkan seorang pesakit dalam keadaan sedar sepenuhnya.

Pengarah Kesihatan Negeri Sabah Datuk Dr. Rose Nani Mudin berkata, pembedahan yang dikenali sebagai 'awake craniotomy' itu selamat dijalankan selama enam jam pada 12 Januari lepas di Dewan Bedah HQE 2 membabitkan seorang pesakit wanita berumur 50 tahun.

Katanya, pembedahan berkenaan hasil usaha Pakar Bedah Otak HQE 2 Dr. M. Sofan Zenian dan Dr. Hezry Abu Hasan bersama Pakar Bius Otak dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) UMS Dr. Yeap Boon Tat, serta Pakar Perunding Kanan Pembedahan Otak dari Hospital Sungai Buloh Dr. Liew Boon Seng.

Menurutnya, pesakit menerima penerangan secara menyeluruh daripada pakar bedah dan pakar bius sebelum menyatakan keyakinan untuk menjalani pembedahan.

"Sepanjang pembedahan ini, pesakit dapat mengeja



PAKAR: Pasukan doktor termasuk pakar bedah otak, pakar bius otak dan pakar perunding kanan pembedahan otak yang terlibat dalam pembedahan berkenaan.

nama dan menyanyikan sebuah lagu ringkas dan selepas pembedahan, pesakit hanya mengalami gejala sakit kepala yang sedikit sahaja dan dibolehkan minum air dan makan hidangan lembut keesokan harinya.

"Pesakit mengalami simptom sakit kepala sejak Oktober 2022 dan disahkan menghidap 'multiple meningioma' di bahagian kiri otak setelah didiagnosis di Hospital Duchess of Kent (HDOK) Sandakan.

"Keadaan klinikal dan gejala yang dialami pesakit semakin teruk sehingga menjejaskan kualiti kehidupannya. Justeru, keputusan untuk melakukan pembedahan otak menggunakan teknik 'awake craniotomy' adalah

bertujuan merawat dan seterusnya membolehkan pesakit menjalani kualiti kehidupan yang lebih baik," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, menerusi pembedahan otak 'awake craniotomy', pesakit berada dalam keadaan sentiasa sedar sepanjang pembedahan.

Katanya, pakar bedah otak akan sentiasa memantau tahap kesedaran (consciousness) dan kecerdasan otak dari semasa ke semasa sepanjang pembedahan dijalankan.

"Ia penting agar pakar bedah otak dapat menilai sejauh mana keberkesanan pembedahan itu dan kesan sampingan yang mungkin timbul seperti pendarahan di dalam otak.

"Sehubungan itu, kerjasama erat di antara pakar bius otak (neuroanaesthesiologist) dan pakar saraf (neurologist) adalah diperlukan sepanjang pembedahan ini," jelasnya.

Selain itu Rose Nani berkata, teknik pembiusan secara sedar yang digunakan dalam pembedahan berkenaan adalah yang pertama kali dilakukan di negeri Sabah.

Menurutnya, pakar bius otak akan memastikan ubat bius yang diberikan adalah mencukupi dan tidak terlalu banyak sehingga pesakit tertidur nyenyak.

"Ubat yang diberikan memerlukan mesin khas yang dipanggil 'Target Controlled Infusion' (TCI) yang menyukat kepekatan ubat di dalam darah pesakit.

"Pesakit yang menerima ubat bius dalam keadaan sedar ini akan boleh berkomunikasi dengan doktor sepanjang pembiusan," katanya.

Beliau berkata, pembedahan otak 'awake craniotomy' sudah lama diperkenalkan di dunia sejak awal 2000 lagi dan ia dimulakan di Malaysia seawal 2010 di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM), Hospital Kuala Lumpur (HKL), Hospital Sungai Buloh dan Hospital Sultanah Aminah (HSA).